



# SEMUANYA PERCUMA

■ FreeMarket Putrajaya disertai 120 gerai diiktiraf program terbesar sejak 2014

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my  
**Putrajaya**

**A**neka sayur-sayuran seberat 708 kilogram (kg) diagihkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah antara tumpuan utama pengunjung

pada program FreeMarket (pasar percuma) Putrajaya di Dataran Gemilang, di sini semalam.

Barangan lain diagihkan termasuk barangan keperluan harian seperti beras, bihun dan gula selain pakaian terpakai, buku dan pelbagai barangan terpakai lain.

Berlangsung dalam suasana meriah dan santai, FreeMarket Putrajaya yang dibuka jam 9 pagi semalam mula sesak dengan kehadiran lebih 3,000 pengunjung seawal jam 7.30 pagi.

Lebih menarik, ia diiktiraf sebagai program yang terbesar pernah dianjurkan sejak dimulakan pada 2014

**ORANG** ramai memilih barangan yang dipamerkan di Pasar Percuma Putrajaya di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya.

FREE MARKET  
PUTRAJAYA

1. Senyum! 😊
2. Minta elok!
3. Satu keluarga, satu bihun & tepung.
4. ucap terima kasih!

#Sadaka

PESERTA menunjukkan poster di FreeMarket Putrajaya.



apabila ia disertai lebih 120 gerai.

Penganjurnya, Azmin Ishak berkata, pihaknya pernah menganjurkan program sama di Putrajaya dua tahun lalu di Dewan Komuniti Presint 14, namun, kali ini ia lebih meriah dan besar.

Beliau berkata, selain agihan percuma barangan, pengunjung yang hadir turut berpeluang melakukan pemeriksaan gigi percuma; pameran kenderaan teknologi hijau; 'giant bubble' percuma untuk kanak-kanak; agihan air Milo percuma dan pelbagai lagi.

"Konsep pasar ini sangat jelas iaitu komuniti membantu komuniti yang lain dan peserta boleh menyumbang apa sahaja.

"Namun, orang ramai perlu mematuhi syarat termasuk meminta baik-baik

dengan penyumbang dan ucap terima kasih serta sedekahkan senyuman," katanya.

Katanya, tahun lalu sahaja, sekitar 70 program FreeMarket dianjurkan di seluruh negara dan ia akan dianjurkan setiap masa.

Azmin berkata, pada bulan depan, beberapa lokasi sudah dikenal pasti termasuk di Puchong, Selangor; Teluk Kumbar, Pulau Pinang dan Sik, Kedah.

Katanya, seramai 20 sukarelawan ditempatkan di FreeMarket Putrajaya terutama bagi mengawal lalu lintas dan pengunjung.

Salah seorang penyumbang, Izafahani Mohammad, 24, yang juga pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, dia mengetahui program itu menerusi laman Facebook (FB) Perbadanan Putrajaya (PPI) sebelum menghubungi

wakil penganjur.

"Ini kali pertama saya menyertai program ini. Ia juga satu inisiatif yang baik selain menerap amalan konsep memberi dan menerima.

"Saya akan sertai lagi program ini jika ia dianjurkan pada masa depan. Hari ini (semalam), saya bawa baju kurung dewasa; pakaian lelaki dewasa dan baju kanak-kanak terpakai untuk diagihkan," katanya.

Seorang pengunjung, Ansorila Mhd Noor Zori, 33, berkata, dia langsung tidak menyangka ada pasar percuma yang menyediakan pelbagai barangan keperluan harian percuma.

"Pada mulanya, saya hanya datang melihat sahaja namun, tidak menyangka setiap barangan boleh diperolehi secara percuma," katanya.



**"Konsep pasar ini sangat jelas iaitu komuniti membantu komuniti yang lain dan peserta boleh menyumbang apa sahaja."**  
Azmin Ishak